

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
22 NOVEMBER 2024**

PERKARA : 5(B)45

**SOALAN LISAN OLEH AHLI KAWASAN PENAGA
YB MOHD YUSNI BIN MAT PIAH**

45. Senaraikan jumlah hasil padi pada tahun 2023 sehingga kini.

(a) Berapa peratuskah daripada hasil padi ini yang akan digunakan untuk Beras Cap Feri?

(b) Di manakah beras ini boleh diperolehi? Atau hanya boleh diperolehi di Jualan Rahmah Madani?

**YB FAHMI BIN ZAINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

45. Jumlah hasil tanaman padi di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2023 adalah 122,349.476 tan metrik. Walau bagaimanapun, jumlah hasil tanaman padi bagi tahun 2024 adalah masih di peringkat semakan pihak Seksyen Kawal Selia Padi dan Beras, Bahagian Pembangunan Industri Padi, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM). Data rasmi ini akan dibentangkan

di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasatan Pengeluaran Padi Kebangsaan.

- (a) Hasil beras tempatan di Negeri Pulau Pinang tidak mencukupi untuk pengeluaran Beras Cap Feri. Justeru, Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Beras Cap Feri Pulau Pinang yang dipengerusikan oleh YB Pengerusi Jawatankuasa MMK Agroteknologi & Keterjaminan Makanan dan Pembangunan Koperasi telah memutuskan supaya pengeluaran Beras Cap Feri turut menggunakan beras import bagi menampung kekurangan beras tempatan.

- (b) Beras Cap Feri akan dipasarkan melalui program Jualan AgroMADANI yang diuruskan oleh pihak Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) serta program Jualan Rahmah di bawah seliaan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).